

LHDN boleh teruskan prosiding muflis Najib, anak

KUALA LUMPUR: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) boleh memulakan prosiding kebangkrutan terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan anaknya, Datuk Nazifuddin atas kegagalan membayar tunggakan cukai pendapatan berjumlah lebih RM1.7 bilion.

Ia selepas Mahkamah Tinggi di sini semalam, menolak permohonan dua beranak itu untuk menggantung notis dan prosiding bankrupsi terhadap mereka.

Perkara itu dimaklumkan oleh peguam, Muhammad Farhan Muhammad Shafee yang mewakili Najib dan Nazifuddin ketika ditemui media selepas tamat prosiding.

"Hari ini (semalam) ditetapkan untuk keputusan (permohonan) untuk penggantungan prosiding kes bankrupsi terhadap Datuk Seri Najib atas alasan merit kes (tunggakan) cukai masih belum didengar oleh Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan (SCIT) di Putrajaya.

"Kami failkan notis untuk gantung (prosiding bankrupsi) supaya (kes) di SCIT didengar terlebih dahulu. Prosiding bankrupsi hanya boleh dilaksanakan selepas merit (kes) selesai didengar

di semua peringkat," ujar peguam itu.

Tambahnya, beliau telah menerima arahan untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang dibaca oleh Timbalan Pendaftar, Kamarul Aris Kamalluddin.

Prosiding bankrupsi terhadap Najib dan Nazifuddin sebelum ini ditangguhkan bagi memberi laluan kepada rayuan dua beranak itu berhubung penghakiman terus yang diperoleh LHDN berhubung tunggakan cukai itu.

Penghakiman terus merupakan tuntutan saman yang diputuskan oleh mahkamah tanpa melalui perbicaraan.

Pada Julai 2020, dua Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan permohonan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk memasukkan penghakiman terus bagi mendapatkan semula tunggakan cukai sebanyak RM1.69 bilion daripada Najib dan RM37.6 juta daripada Nazifuddin, bagi tempoh antara 2011 dan 2017.

Pada 16 Oktober 2023, Mahkamah Persekutuan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak rayuan Najib dan anaknya berhubung tuntutan cukai itu.